

Fakulti Perubatan UiTM ditubuhkan hujung tahun ini

20 JUN 2002

KUALA LUMPUR 19 Jun — Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan ditubuhkan selewat-lewatnya penghujung tahun ini, kata sumber dalaman universiti itu.

UiTM, menurutnya telah pun menyerahkan laporan setebal 40 muka surat sebanyak 15 salinan kepada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan pada 5 Jun lalu setelah diarah berbuat demikian sehari sebelumnya.

Kata beliau kepada *Utusan Malaysia* lagi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah pun mengeluarkan arahan lisan supaya UiTM menyerahkan laporan mengenai penubuhan fakulti berkenaan.

“Ini adalah kali pertama UiTM diarah berbuat demikian oleh Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan,” katanya di sini.

Utusan Malaysia difahamkan Dr. Mahathir sendiri dija-

ngka memaklumkan kepada jemaah kabinet mengenai cadangan penubuhan fakulti berkenaan sedikit masa lagi.

Sumber itu menjelaskan, Kementerian Pendidikan tidak menghadapi masalah meluluskan penubuhan fakulti itu dalam masa terdekat ini memandangkan UiTM telah menyediakan kemudahan mencukupi bagi penubuhan fakulti perubatan.

“Berdasarkan prosedur penubuhan sesebuah fakulti baru, kelulusan penubuhannya akan mengambil masa selama enam bulan jika ia tidak menyediakan sebarang kemudahan.

“Namun ia tidak menjadi masalah bagi Fakulti Perubatan UiTM kerana kami telah menyediakan banyak kemudahan seperti makmal, mesin dan kakitangan akademik untuk fakulti itu,” katanya.

Sumber itu menambah, arahan penyerahan laporan itu telah dibuat pada hari pertama

istiadat konvokesyen ke-55 UiTM iaitu selepas penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Sains Kesihatan oleh UiTM kepada isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Tambahnya, laporan yang diserahkan kepada kementerian berkenaan mengandungi fakta-fakta yang menyokong penubuhan fakulti itu.

Antaranya ialah kemudahan yang sedia ada untuk fakulti itu seperti makmal, kelengkapan mesin dan kakitangan akademik.

“Semua itu adalah kelengkapan yang telah UiTM sediakan sejajar dengan kewujudan fakulti-fakulti kesihatan dan farmasi yang telah sedia ada di universiti ini,” ujarnya.

Namun begitu menurut sumber itu, cadangan yang dikemukakan dalam laporan itu lebih menekankan terhadap keperluan menambah bilangan doktor Melayu di negara ini.

“Cadangan UiTM lebih menekankan pentingnya mengatasi kekurangan doktor Melayu di negara ini melalui penubuhan fakulti itu,” katanya.

Utusan Malaysia yang merupakan satu-satunya akhbar yang turut mendesak supaya penubuhan fakulti itu direalisasikan baru-baru ini melaporkan UiTM yang dikekalkan sebagai institusi pengajian tinggi bumiputera sepenuhnya dijangka mendapat kelulusan kerajaan bagi menubuhkan fakulti perubatan dalam masa terdekat ini.

Sumber-sumber rapat universiti itu berkata, penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Sains Kesihatan oleh UiTM kepada Siti Hasmah dilihat sebagai ‘lampu hijau’ kepada universiti itu untuk menubuhkan fakulti berprestij tersebut.

Malah Siti Hasmah dalam ucapan terima kasih terhadap penganugerahan itu berharap UiTM dapat mewujudkan fakulti perubatannya sendiri.